

Penggunaan dakwat kekal harus

PUTRAJAYA - Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan semalam memutuskan penggunaan dakwat kekal pada Pilihan Raya Umum Ke-13 (PRU 13) adalah harus dan dibenarkan.

Pengerusinya, Prof. Tan Sri Dr. Abdul Shukor Husin berkata, perkara itu diputuskan berdasarkan tiga kriteria iaitu dakwat tersebut tidak najis, tidak memudaratkan dan boleh menyerap air.

"Dakwat itu jika digunakan oleh umat Islam ia boleh diserap air, jadi tidak akan menimbulkan sebarang masalah untuk menunaikan sembahyang," katanya selepas mempengerusikan mesyuarat me-

ngenai perkara itu di sini.

Mesyuarat yang berlangsung di Jabatan Kemajuan Islam Malaysia itu turut dihadiri wakil Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR), Jabatan Kimia dan para mufti.

Pada Disember lepas, SPR mengumumkan dakwat kekal jenis silver *nitrate* akan digunakan pada PRU 13.

Dakwat itu adalah berlainan dengan dakwat kekal yang disyorkan pada pilihan raya umum pada tahun 2008, namun, ia tidak digunakan selepas keberkesanan kaedah tersebut dipersoalkan pelbagai pihak.

Mengulas lanjut, Abdul Shukor ber-

kata, ujian yang dijalankan Jabatan Kimia dan Kementerian Kesihatan juga mendapati, penggunaannya tidak memudaratkan atau pun memberikan kesan sampingan.

Bagaimanapun, katanya, keputusan itu adalah tertakluk kepada penggunaan dakwat berdasarkan sampel sama yang telah diberikan kepada Jawatankuasa Fatwa dan yang telah diuji sahaja.

"Jika SPR berhasrat menggunakan dakwat jenis lain, maka keputusan lain perlu dibuat tetapi difahamkan SPR hanya akan menggunakan dakwat yang sama," katanya. - Bernama